

RM20 caj ke tempat selamat

Pemilik bot persendirian didakwa ambil kesempatan kesusahan mangsa banjir

Oleh Srihanasham Noordin

KOTA TINGGI: Segelintir pemilik bot persendirian mengenakan bayaran antara RM5 dan RM20 seorang kepada mangsa banjir jika mahu menaiki bot untuk diselamatkan dan dibawa ke pusat pemindahan banjir.

Pegawai Memerintah Batalion 1 Rejimen Renjer Diraja (RRD), Lt Kol Abdul Rahman A Wahab, berkata pihaknya mendapati ada antara 10 hingga 20 bot persendirian di sekitar bandar ini.

"Mereka cuba menanggung di air keruh dengan meminta bayaran daripada mangsa banjir jika mahu diselamatkan dan kita bimbang orang

“ Penduduk perlu berpindah segera apabila diarah kerana banjir kali ini amat luar biasa”

Abdul Rahman A Wahab
Pegawai Memerintah Batalion 1
Rejimen Renjer Diraja

ramai memandang serong dengan melemparkan tuduhan pasukan penyelamat meminta bayaran," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Dalam kejadian banjir pertama 19 Disember lalu, beberapa mangsa banjir di daerah ini mendakwa pasukan penyelamat meminta bayaran sekiranya mahu diselamatkan.

Walaupun dakwaan itu tidak dapat dibuktikan kerana tiada laporan polis dibuat, tetapi ia menjejaskan semangat pasukan penyelamat.

Abdul Rahman berkata, pasukannya dengan kekuatan 10 anggota dan pegawai tiba di Kota Tinggi, Rabu lalu, selepas mendapat maklumat bahawa banjir akan kembali melanda bandar ini dan sebanyak 12 bot serta 13 trak turut dihantar bagi menyelamatkan penduduk.

Bagaimanapun, katanya, ada penduduk enggan berpindah walaupun arahan dikeluarkan sebelum banjir melanda kelmarin, menyebabkan operasi menyelamat terpaksa dijalankan pada saat akhir.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku disebabkan air sungai bandar ini terus naik selepas menerima limpahan dari Kluang, Kulai dan Sungai Sayong.



PERLINDUNGAN SEMENTARA: Sebahagian penduduk terperangkap di tingkat atas bangunan kedai di kawasan perniagaan Kota Tinggi menunggu untuk diselamatkan.



SEPERTI SUNGAI: Bandar Kota Tinggi hanya boleh dilalui menggunakan bot.



PUTUS DUA: Faris Hadi Mat Diah hanya mampu melihat pangkal jambatan Sungai Sembong Kecil di Kampung Sri Cahaya, Kluang yang runtuh akibat arus deras.